

08/10/1997

9 lagi peserta tilawah perdengar bacaan

KUALA TERENGGANU, Selasa - Sembilan lagi peserta, termasuk johan qari peringkat kebangsaan tahun lalu, Mohamad Hussin Mohamad Yunus dari Pasir Mas, Kelantan, memperdengarkan bacaan masing-masing pada malam kedua Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-40, di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah, di sini malam tadi.

Lima qariah yang memperdengarkan bacaan iaitu Halimah Jusoh dari Kedah; Halifah Machu (Sabah); Saedah Suut (Sarawak); Fatimah Md Dali (Melaka) dan Aishah Samsi (Johor).

Manakala tiga lagi qari yang turut memperdengarkan bacaan mereka ialah Che Nor Saidin dari Negeri Sembilan, Wan Abdullah Haron (Kelantan) dan Marzuki Abdul Rahman (Pulau Pinang).

Mereka adalah antara 29 qari dan qariah yang menyertai tilawah tahun ini. Semua negeri diwakili qari dan qariah kecuali Kelantan yang hanya diwakili qarinya, Wan Abdullah.

Majlis tilawah selama lima malam bertemakan 'akhlak mulia umat sejahtera' itu dirasmikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman yang mewakili Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam.

Sultan Terengganu akan menyampaikan hadiah kepada pemenang tilawah itu. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga dijangka hadir pada malam penyampaian hadiah, pada Jumaat ini.

(END)